## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Bukan Akademik** secara **Tetap/Kontrak** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat.

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | STATUS | PENEMPATAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| A. | KUMPULAN PELAKSANA | | | | | | |
| 1 | KERANI | N19 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | Tetap/ Kontrak | Kampus Segamat | RM 1,352.00 | RM 4,003.00 |
| 2 | PELUKIS GRAFIK | B19 | Pereka | Tetap/ Kontrak | Kampus Segamat | RM 1,360.00 | RM 4,032.00 |

## Syarat -syarat kelayakan:

**1) KERANI (N19)**

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00).

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diikitiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diikitiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diikitiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diikitiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80

dan

(d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan:

(i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegwai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

**2) PELUKIS GRAFIK (B19)**

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau

(iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24)

dan

(d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan di perenggan 1c(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau badan-badan Berkanun **mestilah melalui ketua jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini.**

3. Setiap permohonan mestilah disertakan bersama salinan dokumen berikut yang telah **disahkan**:
    - **Kad Pengenalan**
    - **Sijil SRP/PMR, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
    - **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik/Terperinci)**
    - **Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji**
    - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun/Separa Kerajaan yang sedang berkhidmat)**

4. Nama Jawatan/Bidang & Fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul permohonan.

5. **Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun/Separa Kerajaan yang tidak melalui majikan tidak akan diproses.**

6. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.

7. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.

8. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor.

9. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.

10. Borang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di http://johor.uitm.edu.my/v1 atau di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 Mac 2020.**
Sila kemukakan permohonan kepada:

***UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA***

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN**
**BAHAGIAN PENTADBIRAN**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR**
**KAMPUS SEGAMAT**
**JALAN UNIVERSITI OFF KM. 12 JALAN MUAR**
**85000 SEGAMAT**
**JOHOR DARUL TA'ZIM**

**No Tel : +(607)-935 2020 / 2273 / 2272**